Utusan Borneo: 30 Oktober 2026

Lelaki didakwa edar dadah berbahaya jenis syabu seberat 50.90g

MIRI: Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan mengedar dadah berbahaya jenis syabu seberat 50.90 gram (g).

Tertuduh, 32, dari Taman Tunku di sini, beliau mengangguk faham ketika pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali.

Bagaimanapun, tiadapengakuan direkodkan kerana kes itu berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh didakwa mengedar dadah jenis methamphetamine (syabu) seberat 50.90g pada jam 3 petang, 20 Oktober lalu di kawasan belakang bangunan Kian Hin Enterprise, Pujut Corner di sini.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ABD) 1952 (Akta 234) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B (2) yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup, dan sekiranya tidak dihukum mati, boleh dikenakan hukuman sebat tidak kurang 12 kali, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian menetapkan 28 Disember depan sebagai tarikh sebutan lanjut sementara menunggu laporan kimia berhubung barang kes siap. Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh yang tidak ditawarkan jaminan diperintahkan ditahan lanjut di Penjara Pusat Miri sementara menunggu tarikh tersebut.